



SIARAN MEDIA

PENERIMAAN SAMPEL ANALISIS TOKSIKOLOGI BAGI KES KERACUNAN MAKANAN MELIBATKAN DUA KEMATIAN DI DAERAH GOMBAK

PETALING JAYA, 12 Jun 2024 – Bahagian Toksikologi, Pusat Analisis Sains Forensik, Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menerima satu sampel darah mangsa berusia 2 tahun yang mati disyaki keracunan makanan daripada pegawai penyiasat PDRM pada hari Rabu, 12 Jun 2024.

Ahli Kimia di Bahagian Toksikologi sedang menjalankan analisis ke atas sampel darah yang diterima dan analisis akan disiapkan dengan kadar segera. Pegawai penyiasat akan dimaklumkan sebaik sahaja analisis selesai dijalankan.

KIMIA Malaysia sentiasa komited dalam memastikan keperluan rakyat sentiasa didahului seiring dengan kemajuan sains dan teknologi yang sedia ada.

- TAMAT -

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KIMIA MALAYSIA**